



## **SYARAT- SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI STAF PENTADBIRAN**

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Ke-292 Bil.8/2022 bertarikh 20 September 2022 telah memperakukan Syarat-Syarat Pengesahan Dalam Perkhidmatan Bagi Staf Pentadbiran seperti berikut:

1. Telah memenuhi tempoh percubaan selama satu (1) hingga tiga (3) tahun; **DAN**
2. Telah hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda (PTM). Sekiranya telah hadir dengan jayanya PTM dalam skim perkhidmatan terdahulu, staf boleh mengemukakan Sijil PTM kepada Jabatan Sumber Manusia, untuk dipertimbangkan pengecualian; **DAN**
3. Telah lulus peperiksaan Subjek Utama dan Subjek Jabatan (sekiranya berkaitan); **DAN**
4. Telah mencapai markah **penilaian prestasi tahunan** seperti berikut:
  - i. seseorang staf yang sedang berkhidmat kemudian menjawat jawatan baru dan telah genap 12 bulan perkhidmatan perlu mencapai markah penilaian prestasi sekurang-kurangnya 90%; **ATAU**
  - ii. seseorang staf lantikan baru perlu berkhidmat lebih daripada 12 bulan mempunyai dua (2) kali markah prestasi perlu mencapai purata markah prestasi sekurang-kurangnya 85%; **ATAU**
  - iii. seseorang staf yang mempunyai tiga (3) kali markah penilaian prestasi perlu mencapai peningkatan markah yang memuaskan untuk disahkan dalam perkhidmatan dan perlu mencapai purata markah prestasi sekurang-kurangnya 80%.
5. Telah membuat pengisytiharan harta pada setiap lima (5) tahun; **DAN**.
6. Telah mendapatkan perakuan oleh Ketua Jabatan untuk disahkan di dalam perkhidmatan.

## PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Seseorang staf boleh diberi pelanjutan tempoh percubaan atas perkara-perkara berikut:

- i. Tidak dapat memenuhi Syarat Pengesahan Dalam Perkhidmatan Bagi Staf Pentadbiran di atas; **DAN**
- ii. Terdapat aduan atau laporan mengenai pelanggaran tata tertib.

**Tempoh pelanjutan adalah seperti berikut:**

Tahun perkhidmatan	Pelanjutan
Keempat (4)	Kali <b>pertama</b> selama enam (6) bulan Kali <b>kedua</b> selama enam (6) bulan
Kelima (5)	Kali <b>ketiga</b> selama enam (6) bulan Kali <b>keempat</b> selama enam (6) bulan
Keenam (6)	Kali <b>kelima</b> dan terakhir selama satu (1) tahun dengan berdenda iaitu tiada Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)

Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan dan tempoh pelanjutan bagi staf pentadbiran adalah **berkuat kuasa mulai 1 September 2022** membatalkan garis panduan dan syarat-syarat yang sedia ada.